



SEBAHAGIAN daripada kawasan projek RoL yang dilaksanakan merentasi kampung-kampung di Batu Caves, Gombak, Selangor. - UTUSAN/MOHD. AZIM ABD. RAHMAN



PENDUDUK mengadakan tunjuk perasaan di jambatan yang didakwa menjadi punca kejadian banjir kilat melanda kampung mereka baru-baru ini.

Penduduk 4 buah kampung di Batu Caves bosan banjir kilat kerap berlaku

Projek RoL didakwa jadi punca

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD
kota@utusangroup.com.my

SELAYANG 30 Sept. - Kelewatan kerja-kerja menaik taraf Sungai Batu di Batu Caves didakwa menjadi punca kepada kejadian banjir kilat yang sering melanda beberapa kampung di sepanjang jajaran sungai itu.

Kerja menaik taraf membabitkan penggantian jambatan baharu dan pelebaran sungai yang masih tergendala sehingga hari ini mengakibatkan penduduk Kampung Laksamana dan Kampung Nakhoda sering berhadapan banjir lumpur sejak beberapa tahun lalu.

Turut menjadi mangsa adalah



Kami dijanjikan pula kerja itu akan siap pada bulan ini, tetapi sudah hampir penghujung September masih tiada tanda-tanda akan siap

MAHMAD ISMAIL
Pengerusi JKKK Kampung Laksamana

penduduk Kampung Sungai Tua dan Kampung Sungai Kertas yang terpaksa bersedia setiap masa terutamanya ketika hujan lebat.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung Laksamana, Mah-

mad Ismail berkata, banjir kali terakhir pada 13 September lalu menyebabkan penduduk sudah hilang sabar kerana terpaksa menanggung kerugian mencecah ribuan ringgit.

Menurut Mahmad, kerja-kerja menaik taraf itu sepatutnya siap

pada April lalu, namun dilanjutkan ke Jun sebelum tergendala lagi sehingga Julai tahun ini.

"Terbaharu, kami dijanjikan pula kerja itu akan siap pada bulan ini, tetapi sudah hampir penghujung September masih tiada tanda-tanda akan siap kelihatan," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Difahamkan, kerja-kerja naik taraf Sungai Batu dilaksanakan di bawah projek Sungai Nadi Kehidupan (RoL).

Tambah Mahmad, perjumpaan bersama pihak terlibat juga sudah diadakan sebelum ini, malah pemaju turut meminta kebenaran untuk menutup jalan bagi memberi laluan ke

pada kerja melebarkan sungai.

"Namun, dalam tempoh penutupan itu tiada kerja dilakukan dan apabila penduduk mendesak baru mereka laksanakan tetapi hanya untuk seketika dan tidak nampak hasilnya," tegasnya.

Sementara itu, tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, bahagian bawah jambatan besi tersebut dipecahkan sampah sarap yang terperangkap selepas dihanyutkan air semasa banjir baru-baru ini.

Malah, permukaan sungai di bawah jambatan yang semakin mengecil itu berbanding hulunya menyebabkan aliran air melimpah ke rumah penduduk bersama lumpur.